

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG. PROFESOR DATUK Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS JASAMU DIKENANG 2023**

*13 Disember 2023 (Rabu), 2.30 Petang*

*Bilik Jamuan Auditorium, Canselori*

## **SALUTASI**


-Seperti di lampiran


1. Pertamanya, marilah kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Jasamu Dikenang bagi tahun 2023 ini. Alhamdulillah, pada petang ini kita diberikan kesempatan untuk meraikan **dua belas (12) orang staf yang bersara wajib, sembilan (9) orang staf yang bersara pilihan dan satu (1) orang staf yang bersara atas sebab kesihatan bagi tahun 2023.**

2. Majlis ringkas, namun penuh erti ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka kepada staf yang bersara. Di kesempatan ini saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih saya kepada semua pesara yang diraikan iaitu:

- Encik Khairul bin Taib;
- Profesor Madya Dr. Safiah binti Sidek;
- Profesor Madya Dr. Mohd Ahadlin bin Mohd Daud;
- Profesor Dr. Zulkalnain bin Mohd Yussof;
- Profesor Madya Dr. Maisarah binti Abu;
- Dr. Nooraini binti Sulaiman;
- Dr. Md Isa bin Ali;
- Ts Abd Khahar bin Nordin;
- Ts. Dr. Omar bin Bapokutty;
- Encik Mohd Shahar bin Akashah;
- Encik Mohd Aeini bin Amin;

- Puan Norhayati binti Mahat;
- Encik Zahruddin bin Othman;
- Encik Borhan bin Mohd Yusof;
- Encik Fauzi bin Abdul Wahab;
- Puan Zarita binti Mohd Kosnin;
- Puan Norma Hayati binti Hashim;
- Encik Mohammad Hadzri bin Ahmad;
- Encik Mohd Saharudin bin Abdul Rahman;
- Encik Ithnain bin Md Jais;
- Encik Mohd Zin bin Kasri;
- Encik Mohd Rusdi bin Isohod;
- Puan Osfa Irda binti Othman; dan
- Encik Salleh bin Aboo Hassan.

- 
3. Bagi pihak Pengurusan Universiti, saya mengucapkan jutaan terima kasih ini di atas segala khidmat bakti, pengorbanan, jasa dan budi para pesara yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan khususnya di UTeM. Terdapat di antara para pesara yang diraikan hari ini merupakan antara staf terawal yang menjadi perintis dan penggerak Universiti ini sejak dari awal penubuhan, ketika di zaman Kolej Universiti dahulu.
  4. Ketika fasa awal penubuhan Universiti ini, pelbagai cabaran telah diharungi; dengan infrastruktur yang serba kekurangan, cabaran dalam tadbir urus, kesukaran dalam membina kepercayaan pelbagai pihak seperti pelajar dan ibu bapa, industri dan lain-lain lagi.

- 
5. Namun, semua itu bukan menjadi penghalang kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkhidmat dan bersama-sama berjuang bagi memastikan UTeM terus berjaya dan cemerlang sehingga ke hari ini. Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah. Terima kasih kerana bersama menyokong UTeM sehingga ke peringkat ini.
  6. Sebagai penghargaan di atas segala sumbangan dan dedikasi di sepanjang perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan, maka hari ini, pihak Universiti amat berbesar hati menganjurkan majlis ini, sebagai tanda terima kasih, walaupun nilainya tidaklah setara dengan

khidmat bakti tanpa jemu yang tuan-tuan dan puan-puan berikan selama ini.

Berdayung sampan ke hujung tanjung,  
Mencari tikar beralas rotan,  
Budi dikenang bakti disanjung,  
Kekal subur dalam ingatan.

### Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

7. Fasa persaraan boleh dianggap sebagai peralihan tempoh perjalanan kehidupan untuk menjadi lebih aktif terutamanya dalam menceburi bidang baharu, yang mungkin sebelum ini tidak dapat

untuk dilaksanakan, kerana faktor kekangan masa dan tenaga, yang disebabkan keperluan komitmen dalam masa bertugas.

8. Saya mendoakan kesihatan dan berharap para pesara UTeM dapat memanfaatkan masa laksana hidup kayu berbuah, hidup manusia biar berjasa. Saya pasti, pelbagai aktiviti yang telahpun tuan puan laksanakan selepas bergelar pesara, yang semestinya dapat memberi kepuasan dan manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri malah terhadap keluarga dan masyarakat.
9. Kami di UTeM, mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menjalani kehidupan harian yang lebih membahagiakan.

Manfaatkan tempoh persaraan ini sebaiknya, sama ada dengan berehat secara sihat sambil meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga tersayang, mahupun dengan melakukan aktiviti kemasyarakatan atau apa sahaja aktiviti yang memberi nilai tambah kepada masyarakat dan khususnya diri tuan puan sendiri.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

10. Meskipun Universiti kehilangan sekumpulan lagi staf yang berkebolehan dan berpengalaman, tetapi saya percaya, segala apa yang telah dicurahkan kepada Universiti, pastinya akan terus mekar dalam ingatan dan sanubari kita bersama. Segala usaha tuan puan telah kerjakan akan diteruskan dan menjadi pemangkin kejayaan UTeM.

11. Terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini, saya yakin semangat kekeluargaan UTeM dan ikatan silaturahim yang terjalin telah sebatи dalam diri kita semua.
  
12. Kami di sini juga mengharapkan agar kami semua terus di ingati dan kekal dalam sanubari tuan-tuan dan puan-puan. Disamping itu, pihak Universiti juga amat mengalu-alukan sumbangan dan sokongan berterusan tuan-tuan dan puan-puan untuk melonjakkan lagi kecemerlangan UTeM seperti menghulurkan sumbangan dalam tabung endowmen dan wakaf bagi membantu pelajar B40.

13. Mengakhiri ucapan, sekali lagi, saya mewakili pengurusan Universiti dan seluruh warga UTeM, mengucapkan ‘Selamat Bersara’ dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana menjajar universiti, membantu UTeM melonjak ke hadapan serta di atas segala curahan bakti bahkan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan berikan selama ini. Sumbangan dan usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dikenang dan persahabatan yang terjalin sepanjang perkhidmatan tidak akan terhenti di sini malah akan terus berkekalan.

اویورسیتی تکنیکال ملیکا مارک

Semoga segala kenangan sebagai seorang penjawat awam menjadi memori indah yang mewarnai kehidupan tuan-tuan dan puan-puan.

Jasa dan bakti sentiasa dirai,  
Salah dan silap maaf di pohon;  
Budi tuan puhan saya hargai,  
Jadi kenangan bertahun-tahun.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum wbkth.

